


**PENGARANG Kumpulan Harian Metro, Husain Jahit (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Ketua Perhubungan Korporat Gas Malaysia Berhad, Kamarul Ariffin Ibrahim ketika lawatan di NSTP, semalam.**

# Gas Malaysia lawat NSTP

**Kuala Lumpur:** Gas Malaysia membuat kunjungan ke The New Straits Times Press (NSTP) semalam, bagi memupuk hubungan antara kedua-dua syarikat khususnya dalam mengetengahkan usaha Gas Malaysia dalam pembangunan gas bersih untuk pasaran Malaysia.

Selain itu, kedua-dua pihak juga turut berkongsi aspirasi dalam aktiviti berkaitan tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi membantu golongan memerlukan di Malaysia.